

Tahap Kesediaan Bakal Guru Tahun Akhir Perdana UTM (Kemahiran Hidup) Dalam Menceburi Profesion Perguruan
Lokman Bin Mohd Tahir & Ida Juliana Binti Mat Johari
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian deskriptif ini dijalankan untuk adalah untuk mengenalpasti tahap persediaan bakal guru tahun akhir perdana Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kemahiran Hidup dalam menceburi profesion perguruan. Aspek-aspek yang dilihat dalam kajian ini adalah tahap persediaan bakal guru terhadap penguasaan ilmu pedagogi, kemahiran penggunaan teknologi terkini, keyakinan diri dan kemahiran kaunseling. Seramai 70 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup (SPH) dipilih untuk tujuan ini. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 orang pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Awam (SPA) untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian dan nilai yang didapati adalah 0.972. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap persediaan bakal guru tahun akhir UTM (Kemahiran Hidup) terhadap keyakinan diri sebagai pendidik adalah tinggi berbanding tahap penguasaan ilmu pedagogi, kemahiran penggunaan teknologi terkini, dan kemahiran kaunseling . Secara keseluruhannya bakal-bakal guru SPH ini mempunyai tahap persediaan yang tinggi dalam menceburi profesion perguruan ini. Walaupun begitu, semua pihak termasuklah pihak pengurusan dan bakal guru itu sendiri perlu mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan lagi persediaan bakal guru dalam menceburi profesion perguruan.

Katakunci :bakal guru, kemahiran hidup, profesion perguruan

Pengenalan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara

- *Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1986)*

Dalam erti kata yang sebenar, tugas guru adalah mengajar, menunjuk jalan, memandu, mengasuh, mendidik dan sebagainya. Guru turut bertanggungjawab terhadap murid-muridnya bagaimana hendak menguasai 3M, membaca, mengira dan menulis serta menunjukkan jalan bagaimana kaedah mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah, menunjukkan kaedah bagaimana sesuatu kerja atau aktiviti itu dapat dijalankan dengan baik, selamat dan mencapai objektif. Namun perkara yang paling penting dan utama adalah individu yang mendidik rohani, jasmani, emosi dan intelek pelajar dengan ilmu, kemahiran dan ketrampilan dalam usaha membentuk dan serta melahirkan individu yang soleh yang akan menjadi warga negara yang berguna kepada masyarakat dan menjadi penyumbang penting kepada kemajuan negara selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan banyak menuntut perubahan perspektif masyarakat terhadap profesi perguruan. Profesi perguruan sebenarnya tidak boleh dianggap sebagai satu kerjaya yang boleh diceburi oleh sesiapa sahaja. Hanya mereka yang mempunyai kualiti, ketrampilan, kewibawaan, kelayakan, minat, iltizam adan berjiwa pendidik layak menjadi guru (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006). Dalam profesi perguruan, setiap guru perlu mempunyai minat yang mendalam terhadap keseluruhan tugasnya, baik di sekolah maupun yang melibatkan masyarakat luar sekolah (Tajol Ariffin, 1993). Matlamat pendidikan yang berperanan melahirkan modal insan yang berkualiti adalah satu tanggungjawab yang berat dan perlu dipikul bersama yang melibatkan semua pihak. Memandangkan betapa pentingnya profesi perguruan ini dalam dunia globalisasi, eloklah sekiranya kita mengkaji tahap kesediaan bakal guru di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kemahiran Hidup) tahun akhir bagi menceburi profesi ini.

Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini, profesi perguruan menghadapi pelbagai masalah dan tanggapan masyarakat yang pelbagai menambahkan tekanan kepada masyarakat guru. Boleh dikatakan setiap hari berita mengenai profesi perguruan mengisi ruang media elektronik dan media cetak. Masalah sosial di kalangan pelajar semakin menjadi-jadi dan ada pihak tertentu menyalahkan guru kerana gagal menjadi pendidik yang baik. Ia secara tidak langsung menambahkan tekanan kepada masyarakat guru. Peredaran masa dan perkembangan teknologi semasa juga memberi kesan kepada profesi perguruan. Bakal-bakal guru perlu menyiapkan diri dari segi spiritual dan intelektual untuk memikul tanggungjawab sebagai pendidik dalam profesi perguruan yang semakin mencabar ini.

Hal ini menimbulkan persoalan persoalan tentang adakah bakal guru bersedia untuk berhadapan dengan cabaran dalam profesi perguruan pada masa kini. Oleh yang demikian satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan bakal guru pelajar tahun akhir perdana (Kemahiran Hidup) bagi menceburi profesi perguruan yang mencabar ini melalui empat aspek iaitu penguasaan ilmu pedagogi, kemahiran mengendalikan teknologi terkini, tahap keyakinan diri untuk menjadi bakal pendidik serta kemahiran kaunseling yang dimiliki oleh bakal guru.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk

1. Mengenalpasti tahap penguasaan ilmu pedagogi yang dimiliki oleh bakal guru bagi menceburi profesi perguruan
2. Mengenalpasti tahap kemahiran pengendalian teknologi terkini (ICT) sebagai alat bantu mengajar oleh setiap bakal guru
3. Mengenalpasti tahap keyakinan diri bakal guru terhadap peranan mereka sebagai pendidik.
4. Mengenalpasti tahap kemahiran kaunseling yang dimiliki oleh bakal guru untuk persediaan menceburi profesi perguruan.

Kepentingan Kajian

Peranan guru sebagai pendidik tidak dapat dinafikan dalam membantu negara melahirkan modal insan yang unggul. Seseorang guru yang baik, perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi untuk merealisasikan impian tersebut. Jadi, setiap bakal guru harus

bersedia dan menyiapkan diri dengan sewajarnya supaya segala cabaran yang mendarat dapat di atasi dengan baik.

Oleh itu, diharapkan hasil kajian ini dapat

1. Memberi panduan kepada bakal guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan
2. Menjadi panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha meningkatkan profesion perguruan dan menaikkan semula martabat profesion ini dimata masyarakat dan negara
3. Memberi maklumat berguna kepada pihak yang terlibat seperti ibu bapa dan masyarakat secara tidak lansung dalam profesion perguruan dalam menghadapi cabaran yang mendarat.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian ini adalah melibatkan tinjauan yang menggunakan soal selidik. Rekabentuk kajian yang melibatkan tinjauan adalah bertujuan untuk mencari jawapan kepada andaian-andaian penyelidikan (Kerlinger, 1970). Oleh kerana kajian ini melibatkan satu tinjauan untuk mengkaji tahap persediaan bakal guru, kajian berbentuk penyelidikan yang menggunakan instrumen soal selidik. Kajian yang dijalankan merupakan kajian yang berbentuk deskriptif. Kajian ini menerangkan fenomena dan menganalisis data-data deskriptif yang diperolehi daripada soal selidik untuk menerangkan fenomena tersebut. Pengedaran soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tahap kesediaan bakal guru tahun akhir perdana UTM (Kemahiran Hidup) dalam menceburi profesion perguruan kelak.

Populasi Kajian

Kajian ini secara keseluruhannya melibatkan semua pelajar tahun akhir perdana yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda serta Pendidikan Kemahiran Hidup (SPH), Universiti Teknologi Malaysia sesi 2004/2005 dan akan menamatkan pengajian pada sesi 2007/2008 sebagai sampel dan populasi kajian ini. Populasi ini dipilih kerana pengkaji ingin mengkaji secara terperinci tahap kesediaan pelajar tahun akhir SPH sama ada berada pada tahap tinggi, sederhana atau rendah. Pengkaji memilih keseluruhan populasi bakal guru tahun akhir Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup iaitu seramai 70 orang. Oleh kerana bilangan mereka tidak ramai, maka pengkaji akan mengambil keseluruhan pelajar tahun akhir SPH untuk dijadikan populasi kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji. Kaedah binaan item soal selidik telah digunakan dalam kajian ini kerana mempunyai beberapa kelebihan iaitu ia dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan, responden lebih bebas dan bersedia untuk memberi maklum balas terhadap soalan yang diagihkan, dapat mengumpul data dengan lebih mudah dan sesuai dengan responden dan soal selidik lebih sesuai untuk mengambil data daripada jumlah responden yang ramai (Mohd Najib, 2002). Soal selidik ini mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi satu item sahaja iaitu soalan yang berkenaan dengan jantina.

Manakala Bahagian B terdiri daripada item-item yang berkaitan dengan tahap kesediaan bakal guru tahun akhir perdana (SPH) dalam menceburi profesion perguruan. Secara keseluruhannya terdapat 40 item yang akan mengkaji tahap persediaan bakal guru ini. Sebanyak

10 item digunakan untuk setiap dimensi yang ingin dikaji. Dimensi-dimensi ini terdiri daripada penguasaan ilmu pedagogi, kemahiran mengendalikan teknologi terkini, memiliki kemahiran kaunseling dan keyakinan diri. Secara ringkasnya, item-item soalan tersebut ditunjukkan dalam jadual 1

Jadual 1: Taburan Item-item Soal Selidik

Bahagian	Perkara	No. Item	Jumlah
A	Latar belakang responden	1	1
B	Penguasaan ilmu pedagogi	1 – 10	10
	Penggunaan teknologi terkini	11 – 20	10
	Keyakinan diri sebagai pendidik	21 – 30	10
	Memiliki kemahiran kaunseling	31 – 40	10
	Jumlah		41

Item-item ini disusun mengikut turutan persoalan kajian. Ini adalah untuk memudahkan responden menjawab item soalan yang dikemukakan. Dalam membina soalan soal selidik, soalan yang pertama mestilah soalan yang boleh membantu responden melihat hubungan subjek dengan item soalan (Stacey, 1976). Dalam masa yang sama, soalan mestilah tidak menimbulkan kekeliruan, sebaliknya perlu merujuk kepada jawapan dan mudah dijawab.

Responden dikehendaki membuat pilihan yang sesuai bagi setiap pernyataan yang dikemukakan berdasarkan Skala Likert 5 Pemeringkatan. Skala Likert digunakan dimana responden dikehendaki menanda jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada satu ekstrem yang lain (Mohd Najib, 1999). Responden dikehendaki membuat pilihan jawapan berdasarkan kepada tahap persetujuan mereka. Tahap persetujuan merangkumi lima peringkat iaitu Sangat Setuju, Setuju, Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Dengan beranggapan bahawa maklumbalas kepada setiap pernyataan mempunyai perkaitan, pengkaji boleh meletakkan nilai skor 1 hingga 5 (Baker, 1988). Skala yang dimaksudkan adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Skala Likert 5 Pemeringkatan

Skala	Peringkat
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Kajian Rintis

Sebelum pengkaji menjalankan kajian sebenar, kajian rintis dijalankan terlebih dahulu untuk mengesan dan mengenalpasti sesuatu pernyataan yang tidak sesuai dan juga boleh mengelirukan responden semasa menjawab borang soal selidik. Tujuan kajian rintis dibuat

adalah untuk mengenalpasti kesukaran-kesukaran item seperti kesalahfahaman soalan oleh responden, item yang mengelirukan berdasarkan maklumbalas yang diberikan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah-masalah yang berkaitan (Stanley & Sedlack, 1992). Selain itu kajian rintis dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilaksanakan adalah bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Kebolehpercayaan merujuk kepada darjah konsisten pengukuran instrumen walau apa juga yang diukur (Gay, 1996). Kebolehpercayaan bagi sesuatu instrumen boleh dikenalpasti dengan menggunakan pelbagai kaedah statistik antaranya nilai alfa Cronbach.

Nilai alfa Cronbach adalah merupakan satu kaedah statistik yang membuat andaian bahawa sekiranya semua item menyoal perkara yang sama, maka responden akan memberikan jawapan yang agak sama untuk item yang mengukur konstruk yang sama (Mohd Najib, 1999). Melalui kaedah ini penyelidik mengetahui tahap kebolehpercayaan bagi setiap item yang diuji atau konsistensi dalaman bagi soal selidik yang dikemukakan. Item-item instrumen akan diperbaiki atau disingkirkan sekiranya tidak mencapai tahap kebolehpercayaan yang optimum. Analisis statistik ini ini dapat dilakukan secara mudah dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package for the Social Science*).

Berdasarkan pekali, nilai alfa Cronbach yang boleh diterima dalam satu kajian ialah 0.8 – 1.0 (Mohd Najib, 1999). Sekiranya nilai pekali alfa yang melebihi indeks di atas menunjukkan item-item kajian dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan untuk kajian sebenar. Tetapi sekiranya indeks yang lebih rendah dari nilai tersebut, item tersebut perlu diubahsuai atau diganti. Berikut adalah jadual 3.3 yang menunjukkan indeks pekali *Alpha Cronbach*.

Jadual 3: Pekali *Alpha Cronbach*

Nilai Alfa	Kedudukan Item
0.00 – 0.20	Ubah semua item
0.21 – 0.80	Ubah sebahagian item
0.81 – 1.00	Item boleh diterima

Sumber: Mohd Najib (1999)

Kajian rintis ini telah dijalankan di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai dan diedarkan kepada pelajar tahun akhir perdana yang mengambil kursus Sarjana Muda Teknologi serta pendidikan Awam (SPA) iaitu seramai 10 orang. Sampel kajian rintis ini terdiri daripada bakal guru yang tidak terlibat dalam kajian yang sebenar. Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh melalui kajian rintis ini adalah 0.972. Jika merujuk jadual 3.3, kedudukan item dalam soal selidik adalah boleh diterima dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Dapatan Kajian

Jadual 4 adalah rumusan daripada kajian yang telah dijalankan ke atas bakal guru tahun akhir perdana UTM (Kemahiran Hidup) mengenai tahap kesediaan mereka dalam menceburi profesi perguruan. Berdasarkan jadual 4.6 didapati bahawa tahap keyakinan diri bakal guru dalam memikul tanggungjawab sebagai pendidik iaitu adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 93.3 peratus. Ini adalah kerana bakal-bakal guru ini merasakan mereka telah bersedia mengharungi

cabaran dan mampu menjadi guru yang baik dalam profesion perguruan ini. Jika dilihat pada jadual 4.6 ini, tahap kemahiran kaunseling yang dimiliki oleh bakal guru dan tahap kemahiran mengendalikan teknologi ICT dalam sesi pembelajaran dan pengajaran adalah dalam tahap yang sama kerana berkongsi peratusan yang sama. Tahap kemahiran kaunseling yang dimiliki oleh bakal guru adalah tinggi justeru menunjukkan bahawa bakal guru telah bersedia untuk membantu pelajar yang bermasalah dan mampu menjadi fasilitator atau mentor kepada pelajar-pelajar mereka.

Jadual 4 : Purata Mata dan Tahap bagi Setiap Soalan Kajian

	Soalan Kajian	Tidak setuju		Tidak pasti		Setuju		Min mata	Tahap
		N	%	N	%	N	%		
1	Tahap penguasaan ilmu pedagogi	1	2.1	5	6.3	64	91.6	165	Tinggi
2	Tahap kemahiran pengendalian ICT	2	3.3	8	11.4	60	85.3	164	Tinggi
3	Tahap keyakinan diri bakal guru	1	1.7	4	5	65	93.3	172	Tinggi
4	Tahap kemahiran kaunseling yang dimiliki	2	2.7	8	11.4	60	85.9	164	Tinggi
	PURATA	2	2.6	6	8.5	62	88.9	166	

Begitu juga dengan tahap kemahiran pengendalian teknologi (ICT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang juga berada pada tahap tinggi. Walaupun bakal guru kurang kemahiran dalam membina laman web untuk membantu pelajar tetapi mereka menguasai kemahiran menggunakan komputer dan juga bijak dalam menggunakan Internet sebagai media pengajaran yang menarik kepada pelajar. Begitu juga dengan tahap penguasaan ilmu pedagogi yang menjadi nadi utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap yang tinggi. Penguasaan ilmu pedagogi yang baik akan membantu bakal guru memilih pendekatan, strategi, kaedah, dan teknik yang baik dan sesuai untuk memberi kafahaman yang wajar kepada pelajar-pelajar mereka. Secara keseluruhannya tahap persediaan bakal guru ini adalah pada tahap yang tinggi dan tahap persediaan yang tinggi ini menunjukkan bakal-bakal guru telah bersedia untuk menjadi penyuluhan sinar atau pendidik yang baik dan bertanggungjawab.

Perbincangan

Ilmu pedagogi adalah ilmu yang sangat penting untuk dikuasai oleh setiap bakal guru untuk menceburi profesion perguruan ini. Ilmu pedagogi adalah nadi kepada setiap guru kerana ilmu pedagogi ini akan memberi garis panduan kepada guru untuk menentukan pendekatan, kaedah, strategi dan teknik yang baik dan sesuai untuk pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Melalui data, hasil kajian mendapat bahawa tahap penguasaan ilmu pedagogi yang dimiliki oleh bakal guru adalah pada tahap yang tinggi. Ini adalah kerana bakal guru ini

berkebolehan menentukan pendekatan yang sesuai dengan kebolehan pelajar, dapat menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran dengan ciri-ciri yang tepat, mampu memilih strategi dan teknik yang baik untuk menyampaikan isi pelajaran dengan berkesan serta mampu menggunakan alat bantu mengajar untuk membantu kefahaman pelajar. Selain itu, berdasarkanuraian di atas, dapatan kajian ini juga dapat membuktikan bahawa bakal guru Kemahiran Hidup ini telah menguasai ilmu pedagogi sebelum mereka menjadi guru.

Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah telah berubah dari mengutamakan daya ingatan kepada pengetahuan, kreativiti dan penyayang melalui penggunaan teknologi terkini seperti teknologi multimedia dan jaringan seluruh dunia. Oleh itu, peranan guru turut mengalami perubahan dari sebagai sumber maklumat kepada pemudah cara atau fasilitator. Sejakar dengan itu, guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran menggunakan teknologi terkini untuk menghadapi cabaran inovasi dalam pendidikan.

Memandangkan kepentingan kemahiran pengendalian teknologi sebagai alat bantu mengajar ini, aspek pengendalian teknologi turut diteliti dalam kajian ini. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati bahawa tahap kemahiran pengendalian teknologi adalah tinggi. Hal ini disokong dalam beberapa perkara iaitu kebanyakannya bakal guru yang menjadi responden memberi maklum balas bahawa mereka mampu menggunakan komputer dengan baik, berkebolehan mencari maklumat berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran menggunakan internet dan mampu berkongsi ilmu mengenai cara menggunakan komputer dan internet kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang mata pelajaran yang diajar.

Bagaimanapun terdapat beberapa kajian yang tidak selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan ini. Hasil kajian Foong (1999) yang dijalankan terhadap 72 orang guru di empat buah sekolah di Negeri Sembilan, telah mendapati bahawa tahap pengetahuan dan penggunaan internet di kalangan guru adalah pada tahap yang masih rendah. Hanya terdapat peratusan yang kecil bagi guru-guru yang mempunyai pengetahuan melayari internet, menggunakan bahan internet dari sebagai bahan pengajaran dan mempunyai pengetahuan mereka bentuk laman web. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Ong Teck Seng (2000) yang mendapati tahap penggunaan *Internet* dalam pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang rendah. Kelemahan yang paling ketara adalah dalam pembinaan laman web untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini berkemungkinan disebabkan oleh kurang pendedahan dan pengetahuan tentang pembinaan laman web. Selain itu, guru-guru pada masa kajian dijalankan mereka belum bersedia menggunakan komputer kerana guru pada masa itu tidak dapat melihat kelebihan menggunakan teknologi dalam pendidikan. Masa juga merupakan halangan yang utama dalam membiasakan diri untuk menggunakan teknologi (Chiero, 1997). Berkemungkinan guru akan lebih selesa menggunakan teknologi dalam pendidikan sekiranya diberikan masa yang cukup untuk meera menyesuaikan diri. Oleh yang demikian tidak mustahil jika terdapat perbezaan yang ketara pada hasil dapatan kajian yang dijalankan pada tahun 2000 dengan tahun 2008.

Rujukan

- Awang Had Salleh, 1980. " Keguruan dan perguruan di Malaysia: keperihalan kini dan arah yang dituju". KONPEN V, Johor Bharu 6-8 Disember.
- Baker.T.L. (1988) "Doing Social Reseacrh" United State of America: Mc Graw-Hill Inc
- Chiero, R.T (1997). Teacher's Perspective on Factors That Affect Computer Use" Journal od Research on Computing in Education. 2
- Ee Ah Meng, 1994. Perkembangan dan pelaksanaan kurikulum. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

- Farrant, J.S (1977). "Prinsip dan Amali Pendidikan" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Gagne, R.M (1997) "The Conditions of Learning" New York: Holt Sanders International Editions.
- Gay, L.R (1996). "Educational Research" 5th Ed. New Jersey: Prentice Hall
- Halawiah Mohamad (2002). "Persepsi Bakal Guru Tahun Akhir (Perdana) Pendidikan Teknikal dan Vokasional terhadap persediaan bagi menghadapi alaf baru: Satu tinjauan". Universiti Teknologi Malaysia: tidak diterbitkan
- Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kang, W.C (1995) The effect of Internet sessions on Student's Attitudes Towards the Internet: A Case Study. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Malaya
- Muhd Mansur Abdullah (1997), " Kaunseling Teori, Proses dan Kaedah". Shah Alam: Fajar Bakti
- Ng Choon Lan (2006) "Persepsi Pelajar Pelajar Tahun Akhir Perdana SPH UTM Terhadap Persediaan Mengajar" Universiti Teknologi Malaysia.
- Ng Wai Kong (1998) "Multimedia – Tidak Seperti Yang Dijangkakan" Pusat Teknologi Pengajaran Multimedia: Universiti Sains Malaysia
- Ong Teck Seng (2000). "Tahap Penggunaan Internet Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah di Bahau, Negeri Sembilan." Universiti Putra Malaysia Panduan Perlaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah (1993) Unit Bimbingan dan Kaunseling Bahagian Sekolah: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). "Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Hadapan" Kuala Lumpur: Percetakan Haji Jantan Sdn Bhd
- Syarifah Alawiyah Alsagoff (1984) "Falsafah Pendidikan II; Psikologi dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling" Petaling Jaya, Longman Malaysia Sdn Bhd
- Taylor, H.J.F (1971). "School Counseling" London: Robert Maclehose and Co. Ltd
- Zoraini Wati Abas (1996) "Internet untuk Pendidikan" Kertas Pembentangan Seminar Internet dalam Pemdidikan, Johar Bahru, Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim